

25 SEP 2003

KELI-LUMAYAN

KELI UBAH HIDUP MD ISA KELUAR DARI BELENGGU KEMISKINAN

Oleh: Zabidi Ishar

PASIR MAS, 25 Sept (Bernama) -- Dengan berbekalkan pepatah lama "di mana ada kemahuan di situ ada jalan," kehidupan seorang penternak ikan keli yang suatu ketika dibaratkan "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang" telah dapat diubah.

Bermula dengan modal hampir RM5,000 serta sebuah kolam kecil, Md. Isa Othman, 60, yang menternak ikan keli di Kampung Tal Tujuh, di sini pada penghujung tahun 1980'an, kini telah dapat merubah hidupnya daripada di belenggu kemiskinan.

Kini, Md. Isa memperoleh hampir RM15,000 keuntungan kasar hasil "tuaian" kelinya pada setiap bulan, yang tidak pernah dimimpikannya sebelum ini. Beliau tidak menjelaskan pendapatannya.

Beliau kini memiliki lebih 20 buah kolam serta lebih 20 buah sangkar ikan air tawar jenis lain di Kampung Tal Tujuh dan di Kampung Kubang Badak di sini. Setiap kolam berukuran kira-kira 15 meter lebar dan 30 meter panjang.

Setiap kolam itu dianggarkan mengandungi 20,000 ekor ikan keli, kebanyakan benihnya diperolehi dari Thailand.

Kini, Md. Isa, yang berhijrah dari kampungnya di Pokok Sena, Kedah, ketika umurnya hampir mencecah 40 tahun, kini merupakan pembekal utama ikan keli di pasar-pasar basah, restoran dan hotel di negeri Kelantan.

Dulu, niatnya ke Kelantan hanya untuk menuntut ilmu agama.

Selain keli campuran yang dikacukkannya sendiri dan Afrika, beliau juga menternak beberapa spesis ikan air tawar lain seperti patin dan tilapia. Ikan keli kacukan dikatakan baka lebih baik dengan isi yang lebih sedap.

Md. Isa telah tiga kali dianugerahkan Penternak Jaya Peringkat Negeri Kelantan selama tiga tahun iaitu pada 1995, 2001 dan tahun ini.

Lebih manis kejayaannya kali ini ialah hadiah kemenangannya itu disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Perayaan Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan 2003 di Tanah Merah pada 15 Sept lepas.

Menyorot kembali kejayaannya, beliau berkata, ia adalah hasil bantuan dan dorongan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Perikanan Kelantan.

"Kalau tak kerana dorongan KADA dan Jabatan Perikanan, sudah tentu tidak akan membuahkan hasil seperti ini," katanya.

Md. Isa berkata, beliau telah diberi kebenaran oleh KADA untuk menggunakan tali air milik lembaga itu di Kampung Kubang Badak untuk menternak ikan dalam sangkar seperti patin dan tilapia.

KADA membenarkannya membina beberapa buah kolam ikan bersebelahan tali air itu untuk menternak ikan keli dengan menggunakan sumber air dari tali air berkenaan, katanya.

Pegawai-pegawai Jabatan Perikanan pula, katanya, tidak jemu-jemu untuk melawat kolam ikan itu malah turut memberikan bantuan teknikal, nasihat dan benih-benih ikan air tawar.

Beliau dibantu oleh isterinya, Hawa Awang, 62, dengan 11 anaknya yang berusia 20 dan 42 tahun, lima lelaki dan enam perempuan, terbabit sama menguruskan kolam dan jualan hasil keli itu.

Malah, beliau berbangga beberapa orang anaknya yang berjaya menamatkan pengajian di universiti tempatan tidak mahu bekerja makan gaji sebaliknya ingin sama-sama mencurahkan bakti pada pekerjaan keluarga itu.

"Saya tak paksa mereka bantu saya tetapi mereka menyatakan dengan ikan

keli mereka berjaya, dengan ikan keli jugalah mereka mahu menabur bakti," katanya terharu.

Mengenai cara pembiakan ikan, beliau berkata, ia tidak sukar dan tempoh matangnya juga tidak lama, iaitu antara tiga hingga empat bulan.

"Ikan keli lebih suka kawasan air berlumpur dan makanan baja ikan dan palet," jelasnya.

Mengenai masa depannya, beliau berkata, beliau membuka lebih banyak kolam bagi menampung keperluan ikan keli di Kelantan dan jika mampu, ikan keli itu juga akan dipasarkan di luar Kelantan.

Ketua Seksyen Pembangunan dan Penerangan KADA, Mokhtar Rajab berkata KADA sentiasa mengalu-alukan petani yang mahu menternak ikan air tawar di tali air milik lembaga itu yang dianggarkan sepanjang 1,800 kilometer di Kelantan.

"Memang kita mahukan petani selain menanam padi atau tanaman lain, menambah pendapatan mereka dengan menternak ikan air tawar ini di tali air kita," katanya.

"Kita gembira ramai petani yang telah mengambil kesempatan ini dan kebanyakannya sudah mampu hidup senang," katanya.

Sementara itu, orang ramai yang ingin mendapatkan keli Md. Isa boleh menghubunginya di 09-7903695, 010-9115145 dan 019-9110841. -- BERNAMA

ZI RAR AHM